

NO SOALAN : 301

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA,
PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN
ABU HASAN [PARIT]**

SOALAN:

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah impak ekonomi yang telah diperoleh oleh Malaysia melalui hubungan istimewa di antara Malaysia-Arab Saudi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pergolakan dalaman yang sedang berlaku di Arab Saudi pada masa ini tidak menggugat hubungan baik dan kerjasama yang telah terjalin di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Arab Saudi. Justeru, segala komitmen yang telah dipersetujui secara bersama di antara kedua-dua Kerajaan khususnya yang dicapai semasa lawatan Raja Salman bin Abdul Aziz Al Saud ke Malaysia pada Februari 2017 tidak sama sekali terjejas malah memperkukuhkan lagi hubungan erat kedua-dua negara.

Lawatan Negara Emir Qatar Sheikh Tamim bin Hamad Al-Thani ke Malaysia pada 15 dan 16 Oktober 2017 antara lain adalah untuk terus memperkukuhkan hubungan dua hala khususnya dalam bidang perdagangan dan ekonomi. Lawatan ini telah memberikan kesan yang amat positif kepada hubungan ekonomi dan perdagangan diantara Malaysia dan Qatar.

3

Sepertimana yang telah ditegaskan oleh YAB Perdana Menteri, sebagai sebuah negara, kita berdiri di atas prinsip kerjasama dengan semua negara dan juga kerjasama dalam konteks hubungan dengan dunia Islam. Kita mengamalkan prinsip Wasatiyyah dan kita juga mahu pertikaian sesama negara Islam dicari penyelesaian sebaik-baiknya tanpa kita campur tangan dalam urusan mana-mana negara.

Buat masa ini, konflik antara Qatar dengan negara-negara Arab seperti Arab Saudi, Mesir, Bahrain dan UAE tidak menggugat hubungan diplomatik yang telah terjalin diantara negara-negara tersebut dengan Malaysia.

Kerajaan sentiasa mengharapkan penyelesaian segera dan juga menyokong sebarang usaha damai bagi menyelesaikan konflik dalaman negara-negara Teluk serta menggesa agar pihak-pihak yang terlibat meredakan ketegangan dan kerjasama dalam mencapai keamanan serantau.

4

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN
[PARIT]**

SOALAN : 302

Dato' Haji Mohd Zaim Bin Abu Hasan [Parit] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status terkini operasi pencarian MH370 yang disambung semula susulan pemeteraian perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan syarikat penerokaan dasar laut (Ocean Infinity Limited) yang berpangkalan di Amerika Syarikat dan berapakah jumlah kos yang telah ditanggung oleh Kerajaan sepanjang pencarian pesawat yang hilang ini.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, operasi pencarian dasar laut oleh syarikat Ocean Infinity Limited bagi mengesan kedudukan bangkai (*wreckage*) pesawat MH370 di lokasi seluas melebihi 25,000 kilometer persegi dalam kawasan pencarian utama di Selatan Lautan Hindi berdasarkan prinsip "*no cure no fee*" dalam tempoh 90 hari telah dimulakan pada 22 Januari 2018. Sehingga 18 Mac 2018, operasi pencarian telah meliputi kawasan seluas 29,500 kilometer persegi. Jumlah keluasan ini adalah termasuk kawasan pencarian tambahan (*supplementary search area*) iaitu melebihi kawasan pencarian utama seluas 25,000 kilometer persegi. Buat masa ini, tiada sebarang bangkai pesawat ditemui.

Operasi pencarian pesawat MH370 oleh pasukan operasi melibatkan Malaysia, Australia dan Republik Rakyat China (RRC) di kawasan seluas 120,000 kilometer persegi di Lautan Hindi telah selesai dilaksanakan dan digantung pada 17 Januari 2017. Dalam hubungan ini, kos yang telah ditanggung oleh Kerajaan sehingga tarikh tersebut adalah sebanyak **RM376,983,458.27**.